

TOKOH PEMIKIR EKONOMI ISLAM KLASIK ABU 'UTHMAN 'AMR IBN BAKR AL-BASRI AL-JAHIZ: BIBLIOGRAFI DAN SUMBANGAN KEPADA PERKEMBANGAN AWAL ILMU EKONOMI ISLAM

THE CLASSICAL ISLAMIC ECONOMIC THINKER ABU 'UTHMAN 'AMR IBN BAKR AL-BASRI AL-JAHIZ: BIBLIOGRAPHY AND CONTRIBUTION TO THE EARLY DEVELOPMENT OF ISLAMIC ECONOMICS

Aemy Bin Aziz¹
Hadenan Bin Towpek²
Amal Hayati Binti Ishak³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: aemy@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
(Email: hadenan298@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(Email: amalhayati@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 9-1-2024
Revised date : 10-1-2024
Accepted date : 4-4-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Aziz, A., Towpek, H., & Ishak, A. H. (2024). Tokoh pemikir ekonomi islam klasik Abu 'Uthman 'Amr Ibn Bakr Al-Basri Al-Jahiz: Bibliografi dan sumbangan kepada perkembangan awal ilmu ekonomi Islam *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 438 – 446.

Abstrak: *Perbincangan dan perbincangan berkaitan sistem ekonomi Islam telah bermula sejak zaman baginda Rasulullah SAW lagi. Sistem ekonomi Islam bukan hanya terbatas dalam aspek perbincangan dan teori sahaja, malahan turut berlaku aktiviti ekonomi Islam berteraskan hukum syarak di zaman Rasulullah. Kemudian berlakunya perkembangan dalam pemikiran dan teori di dalam sistem ekonomi Islam sehingga masa kini yang berlandaskan kepada aplikasi dan panduan yang telah dibuat sejak zaman Rasulullah SAW. Perkembangan pemikiran dan praktis dalam sistem ekonomi Islam bersesuaian dengan peredaran zaman dan keperluan kepada teori dan praktikal terkini yang kontemporari selari dengan perkembangan ketamadunan manusia. Dalam ekonomi Islam, segala urusan dan amalan hendaklah didahului dengan rujukan dari dalil yang sahih. Rujukan dari sumber al-Quran dan as-Sunnah ini menjadikan sistem ekonomi Islam ini sebuah sistem yang berprinsip dan adil kepada semua manusia. Kemudian sistem ekonomi islam ini mula di kembangkan menerusi penulisan-penulisan ilmiah yang dilakukan oleh para sarjanawan islam yang berkembang pesat di era kerajaan Islam Umayyah sehingga kerajaan Abasiyyah. Di samping itu di era tersebut dengan kemunculan pusat pengumpulan penulisan-penulisan ilmiah seperti perpustakaan bagi menyimpan segala bahan rujukan yang berkaitan bidang pengajian islam telah membuatkan para sarjanawan islam lebih bergiat dalam mengembangkan ilmu pengetahuan mereka. Dan*

di antara tokoh yang terlibat dalam penulisan ilmu berkaitan ekonomi islam ialah Abu 'Uthman 'Amr ibn Bakr al-Basri Al-Jahiz melalui kitabnya Al-Tabassur bi Al-Tijarah.

Kata Kunci: Tokoh, Ekonomi islam, Al-Jahiz, Bibliografi, Sumbangan

Abstract: *Debates and discussions related to the Islamic economic system have started since the time of His Majesty the Prophet SAW. The Islamic economic system is not only limited to the aspects of discussion and theory, but also Islamic economic activities based on Islamic law in the time of the Prophet. Then the development in thought and theory in the Islamic economic system until now is based on the application and guidance that has been made since the time of the Prophet SAW. The development of thought and practice in the Islamic economic system is in accordance with the passage of time and the need for the latest theory and practice that is contemporary in parallel with the development of human civilization. In Islamic economics, all affairs and practices must be preceded by references from valid proofs. This reference from the sources of al-Quran and as-Sunnah makes this Islamic economic system a principled and fair system for all people. Then this Islamic economic system began to be developed through scientific writings by Islamic scholars who grew rapidly in the era of the Umayyad Islamic kingdom until the Abbasid kingdom. In addition to that in that era with the emergence of centers for collecting scientific writings such as libraries to store all reference materials related to the field of Islamic studies has made Islamic scholars more active in developing their knowledge. And among the figures involved in the writing of science related to Islamic economics is Abu 'Uthman 'Amr ibn Bakr al-Basri Al-Jahiz through his book Al-Tabassur bi Al-Tijarah.*

Keywords: Figures, Islamic Economy, Al-Jahiz, Bibliography, Contribution

Pengenalan

Sejarah awal pemikiran ekonomi Islam bermula pada era klasik atau pun pengenalan kepada elemen ekonomi Islam yang dimulai dan ditunjangi di zaman Nabi Muhammad SAW ketika baginda berada di Madinah, kemudian sistem yang telah dilaksanakan ini telah berkembang hinggalah kepada pelaksanaan sistem ekonomi Islam yang berlaku pada masa pemerintahan Khulafah ar-Rasyidin. Diperingkat awal perkembangan sistem ekonomi Islam, ia masih dalam bentuk konsep dan praktis yang sederhana dan prinsip itu hanya bersumberkan dari wahyu Al-Qur'an dan Ijtihad Nabi SAW semata-mata. Setelah baginda Rasulullah wafat, sahabat baginda saidina Abu Bakar as-Siddiq telah mengambil alih tanggungjawab dalam urusan pentadbiran sistem ekonomi Islam. Antara yang dilakukan oleh saidina Abu Bakar adalah dengan meneruskan amalan sistem ekonomi di zaman rasulullah dan membuat penekanan kepada pembayaran zakat. Hal ini kerana pada ketika itu wujudnya golongan yang enggan membayar zakat.

Di era pentadbiran khalifah Umar al-Khattab, beliau telah membuat penekanan kepada Baitulmaal serta pengurusan segala harta yang dimiliki dibawah kerajaan pentadbirannya sama ada harta dari sumber semula jadi kerajaannya atau harta yang diperolehi melalui al-kharaj. Pada era ini juga, khalifah Umar telah mengagihkan sumber kekayaan kerajaan kepada rakyat untuk di nikmati bersama. Kemudiannya di era pemerentahan khalifah Uthman bin Affan, antara praktis yang di lakukan adalah meletakkan hasil gajinya ke dalam tabung pembangunan dan pelaburan negara. Dan di era khalifah Ali bin abi Thalib, beliau banyak membuka ruang pekerjaan kepada rakyat untuk mereka membangunkan sistem ekonomi keluarga (Adiwarman A. Karim (2010).

Kemunculan pemikiran ekonomi Islam ini bermula di era kerajaan-kerajaan Islam di mana lahirnya tokoh-tokoh pemikir didalam bidang ekonomi Islam. Beberapa tokoh pemikir ekonomi Islam pada masa Bani Umayyah, antara lain: Muawiyah ibn Abi Sufyan, Abdul Malik ibn Marwan, dan Umar ibn Abdul Aziz. Di era kerajaan Bani Abasiyyah pula muncul pemikir-pemikir ekonomi Islam seperti Abu al-Abbas al- Safah (750-754 M), Abu Ja'far al Mansyur (754-775 M), dan khalifah Harun al- Rasyid (786-806).

Dan selepas era ini munculnya seorang tokoh dalam bidang pemikiran ekonomi Islam iaitu Abu 'Uthman 'Amr ibn Bakr al-Basri Al-Jahiz atau juga dikenali sebagai Al-Jahiz. Beliau merupakan salah seorang pemikir dan penulis di dalam bidang ekonomi Islam di era zaman kerajaan Abasiyyah. Dan antara sumbangan penulisannya dalam bidang ekonomi Islam adalah melalui penulisan kitab *Al-Tabassur bi Al-Tijarah*, yang telah membincangkan berkaitan beberapa praktis dan amalan dalam sistem ekonomi Islam dan penulisannya telah menjadi rujukan dalam bidang ekonomi Islam. Abu 'Uthman 'Amr lahir pada tahun 776 iaitu 14 tahun selepas Baghdad diasaskan oleh Khalifah Abbasid *Al-Mansur*.

Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian berbentuk ilmiah. Selain itu juga dengan adanya objektif kajian, analisis dan dapatan kajian tidak akan menyimpang dari matlamat utama di dalam sesuatu kajian. Oleh itu dalam kajian ini objektif utama adalah untuk **“Menganalisis latar belakang kehidupan dan sumbangan yang di berikan oleh Abu 'Uthman 'Amr ibn Bakr al-Basri Al-Jahiz dalam bidang ekonomi Islam”**.

Metodologi Kajian

Antara metod penyelidikan yang digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian berkaitan al-jahiz dan sumbanganya kepada ilmu ekonomi islam ialah dengan menjalankan kajian perpustakaan. Semasa menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti buku-buku rujukan dan juga sumber-sumber daripada internet terutamanya jurnal-jurnal berkaitan bibliografi dan sumbangan al-jahiz kepada ilmu ekonomi Islam. Banyak kajian daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini telah diselidiki oleh penyelidik. Ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan masukan bagi mendapatkan gambaran awal berkaitan konsp kajian seteusnya untuk menyempurnakan kajian ini.

Secara umumnya penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu melalui penyelidikan perpustakaan. Data yang diperolehi adalah daripada bahan-bahan yang terdiri daripada kitab bahasa Arab, buku perbankan dan kewangan Islam, jurnal dan pelbagai lagi bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan atau pusat sumber ilmu.

Bagi menganalisa data pula, tiga metod analisis data telah digunakan iaitu metode induktif dan metode deduktif. Metod induktif ialah kaedah menganalisis data dengan mencari pembuktian daripada dalil yang bersifat khusus untuk mencapai dalil yang bersifat umum. Metode ini digunakan untuk mengenalpasti latar belakang dan kehidupan awal al-jahiz dan latar belakang pendidikannya dan kehidupan akhir beliau.

Metod deduktif pula ialah satu cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan fakta-fakta yang bersifat umum kepada fakta-fakta yang bersifat khusus. Metode ini digunakan

untuk menganalisis sumbangan al-Jahiz dalam bidang penulisan yang merujuk kepada sumbangan beliau kepada ilmu ekonomi Islam.

Sorotan Kajian Lepas

Zamri Arifin (1999) telah menceritakan tentang latar belakang al-Jahiz iaitu nama penuhnya ialah Abu Uthman 'Amr Bin Mahbub al-Kinani Al-Fuqaimi al-Basri atau dikenali juga sebagai al-Jahiz. Al-Jahiz merupakan seorang ilmuan dan seorang penulis terkenal dalam pelbagai ilmu di zaman kerajaan Abbasiyah. Al-Jahiz telah dilahirkan pada tahun 150 hijrah di Basrah dan telah meninggal pada tahun 255 hijrah di zaman pemerintahan Khalifah al-Mu'tazz yang telah memerintah dari tahun 252 hijrah hingga 255 hijrah. Selain itu dijelaskan juga sebagai al-Jahiz seorang yang bukan sahaja seorang pemikir dalam ekonomi Islam, bahkan beliau juga mahir dalam ilmu kesusasteraan Arab melalui beberapa karya yang telah di karang seperti *al-Bayan wa al-tabyin*.

Di dalam buku Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Kontribusi Sarjana Muslim dalam Pemikiran dan Analisis Ekonomi (Aan Jaelani, (2018), menyebut bahawa al-Jahiz dalam kitabnya *al-Tabassur bi al-Tijarah (Insight of Commerce)* telah membahaskan konsep permintaan dan penawaran dalam perdagangan itu adalah seperti berikut: "Segala sesuatu menjadi lebih murah jika jumlah perusahaan meningkat, kecuali pengetahuan sebagai nilai ditingkatkan jika mengalami kenaikan".

Ilham Ahmad (t,t) dalam penulisan yang bertajuk fiqh ekonomi Islam dalam beragam madzhab, jelas menyebutkan bahawa Al-Jahiz Abu 'Usman' Amru bin Bahar (169-225 H/780-869 M), dalam bukunya *الْبَيْضُ رِ بَالْتِ جَارَة* (keahlian berdagang) telah membincangkan mengenai sektor perekonomian. Menurut penulis, al-Jahiz lebih menghuraikan dan membahaskan aktiviti ekonomi dalam bentuk perdagangan. Selain itu menurut pengarang kitab tulisan al-Jahiz ini banyak membincangkan sektor-sektor dagangan yang telah dilakukan oleh golongan Arab melalui kepelbagaian barangan dagangan dan penjualan barangan komoditi di antara pedagang di wilayah tanah Arab.

Khairul Anwar Mohammad Husain, Eyrma Yaacob dan Kamarul Azmi Jasmi (2018) dalam penulisan Sains Islam dan Asas kepada Sains Modern ada menyatakan bahawa al-Jahiz merupakan seorang penulis dalam bidang sains biologi melalui bukunya yang diterbitkan pada masa itu untuk rujukan seperti Kitab al-Hayawan. Ini menunjukkan bahawa ketokohan dan **cendekiawan** al-Jahiz diakui oleh para penyelidik.

Bibliografi Dan Latar Belakang Pendidikan Al-Jahiz

Abu Uthman Amr ibn Bahr al-Kinani al-Fuqaimi al-Basri, yang dikenali sebagai al-Jahiz ("satu dengan mata yang menonjol"), adalah seorang sarjana Arab Muqtazili yang berketurunan dari keturunan Afrika Timur. Beliau merupakan seorang **cendekiawan** terkenal, ahli teologi, seorang penulis, penulis prosa, dan ahli bahasa pada zaman awal kerajaan Abbasiyah. Al-Jahiz dilahirkan di Basra di Iraq sekitar 159/775M. Semasa kecil, al-Jahiz telah bersekolah di sekolah Qurpan di sebuah masjid tempatan di wilayah Basra, di mana beliau telah mendapat pendidikan awal. Pada usia muda, beliau telah menyara keluarganya yang miskin dengan berniaga ikan di pasar.

Al-Jahiz telah menetap di Baghdad sekitar tahun 200/816M dan telah mendapatkan pelajarannya di Bayt al-Hikma (Rumah Wisdom). Bayt al-Hikma diasaskan oleh khalifah zaman kerajaan Abbasiyah iaitu Harun al-Rashid (146 / 763–193 / 809M) dan anaknya al-Mapmun (170 / 786–

218 / 833M) sebagai sebuah perpustakaan serta institut kemanusiaan dan terjemahannya karya mengenai astrologi dan matematik Parsi dan Ilmu Yunani, serta beberapa bidang pengajian yang lain. Al-Jahiz seorang yang bersifat ingin tahu dan menjalankan kajian serta penulisan dalam bidang perkembangan Islam. Beliau telah didakwa sebagai salah seorang ahli heresiografi pertama (mereka yang menulis mengenai bidaah, atau pendapat atau doktrin yang berbeza dengan kepercayaan atau pandangan agama) Islam (Waed Athamneh, (2015).

Guru beliau atau Ulama terkenal yang telah menyumbang kepada pendidikan tradisional beliau atau Pendidikan bukan tradisional dalam bahasa Arab, filologi, tatabahasa, dan hadis ialah merangkumi Abu Ubaida ibn Mapmar ibn al-Muthanna, al-Asmapi, Abu Zayd al-Ansari, Abu al-Hasan al-Akhfash, Abu Yusuf al-Qadi, Thumama ibn Ashras, dan ulama Muqtazili al-Nazzam.

Al-Jahiz telah tinggal dan belajar di Baghdad sepanjang hayatnya. Beliau telah melawat beberapa kawasan dan wilayah seperti Samarra, Kufah, Basra, Ahwaz, dan Damsyik serta banda-bandar sekitar yang lain. Al-Jahiz telah meninggalkan kota Baghdad dan kembali ke Basra sebelum tahun 861M dan tinggal di sana untuk sisa-sisa umur dan hidupnya sehingga kematiannya pada 255/868M. Punca persaraannya dari bidang keilmuan serta penulisan dan kembali ke Basra adalah disebabkan keadaannya yang telah lumpuh sebahagian badan dan penolakan pengamalan dan fahaman aliran muktazilahnya di mahkamah Abbasiyah.

Persekitaran Basrah yang luas tidak dapat menahan al-Jahiz daripada berpindah ke Baghdad, ibu negara Islam waktu itu. Ini kerana ramai para **cendekiawan** dan ahli ilmu berada di sana. Bandar ini bukan hanya pusat kegiatan ekonomi malah ia juga adalah pusat kegiatan ilmu dan sastera. Al-Jahiz telah mengambil peluang ini untuk memperluaskan lagi ilmunya. (Jabar, 1958).

Al-Jahiz semakin dikenali ramai di kota Baghdad dan disegani oleh khalifah al-Ma'mun yang merupakan khalifah Bani Abbasiyah yang ketujuh (786-833M). Beliau begitu meminati dan mencintai ilmu pengetahuan sama seperti bapanya Harun al-Rashid. Khalifah al-Ma'mun begitu tertarik dengan karangan al-Jahiz tentang "kepimpinan" yang diletakkan di awal Diwan al-Rasil karangannya. Ini mendorong Khalifah al-Ma'mun melantiknya menjadi kadi. Namun kerana sifat semula jadinya yang mendalam dalam bidang penulisan, jawatan itu cuma disandang dalam masa tiga hari sahaja.

Selepas kemangkatan al-Ma'mun, beliau mendampingi Ibnu Al-Zayyat seorang menteri pada waktu itu. Dalam masa yang sama beliau banyak mendalami pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Sewaktu Abu Daud menjadi kadi, al-Jahiz telah menulis kitab *al-Bayan wa al-Tabyin* yang merupakan buku pertama membahaskan dan meletakkan beberapa istilah ilmu Balaghah. Abu Daud telah menganugerahkan kepadanya sebanyak 5,000 dinar hasil daripada penulisan buku tersebut. (Jabar, 1958).

Al-Jahiz dilahirkan dalam keadaan yang hodoh, mukanya jelik dan mempunyai dua biji mata yang menonjol keluar. Keadaan matanya itu membuatnya diberi gelaran al-Jahiz yang bermakna (yang menonjol keluar). (al-Zayyat, 1978). Gelaran ini memang tidak menyenangkannya dan membuatnya merasa benci dengan gelaran tersebut. Malah dia cuba menanamkan dalam pemikiran orang ramai bahawa namanya ialah 'Amru dan dia suka dipanggil dengan nama itu. (Jabar, 1958).

Diceritakan bahawa al-Mutawakkil, khalifah Bani Abbasiyah yang ke sepuluh (821-861M) telah mendengar kedudukan tinggi al-Jahiz dalam bidang ilmu pengetahuan. Lalu baginda menjemputnya ke istana untuk mendidik anak-anak baginda. Namun apabila terlihat rupa al-Jahiz yang menjijikkan itu, baginda membatalkan niatnya dan memerintah agar diberikan kepada al-Jahiz sebanyak 10 ribu dirham lalu dia diperintahkan keluar dari istana. (al-Zayyat, 1978 & Jabar, 1958).

Usianya yang panjang banyak dihabiskan dalam usaha mengumpul dan menyusun ratusan buku ilmiah untuk tatapan dan kajian generasi selepasnya. Dirikan dalam kitab *al-Jahiz wa Mujtamad 'Asrih* dan *Tarikh Baghdad*, al-Jahiz diserang sakit angin ahmar pada pertengahan akhir hayatnya. Dalam tempoh tersebut pena menjadi sahabat karibnya. Dia lebih banyak mengarang kitab dan membaca buku. Antara buku terakhir yang dikarangnya ialah kitab *al-Hayawan* sebanyak tujuh jilid. Pada saat-saat akhir hayatnya, dia tidak lagi mampu menulis dan membaca. Dikatakan bahawa buku-buku yang ada disekelilingnya runtuh menimpa dirinya membawa kepada kematiannya pada tahun 255 H.

Sumbangan Keilmuan Al-Jahiz

Subjek penulisan al-Jahiz berbeza-beza dan merangkumi antaranya berkaitan teologi, agama, politik, sastera, falsafah, masyarakat, pidato, zoologi, dan pertanian. Dia adalah seorang penulis polemik dalam mempertahankan Islam, Arab, dan kekhalifahan Abbasiyah. Dia juga seorang penulis prosa yang produktif yang tulisannya dipengaruhi oleh orang Parsi dan Orang Yunani. Dia mencari nafkah di Baghdad dengan bekerja sebagai jurutulis, guru dan sebagai seorang penulis buku mengenai khalifah dan tentera, mendedikasikan mereka untuk Abbasiyah dan pelanggan Muqtazili, dan menerima hadiah wang sebagai balasannya. Khalifah al-Ma'mun memihak kepada al-Jahiz dan mendorongnya menulis untuk masyarakat umum dan golongan elit intelektual, serta dipertimbangkan mengupahnya untuk mengajar anak-anaknya tetapi membuat pertimbangan kerana penampilan fizikalnya yang tidak menyenangkan. Sebilangan besar karya al-Jahiz yang mengagumkan ditulis di Baghdad pada separuh pertama abad ketiga hijrah Heinemann, Arnim, John L. Meloy, Tarif Khalidi, and Manfred Kropp (2009).

Sulaiman bin Ismail (2013) dalam karyanya yang bertajuk *Peranan Dan Sumbangan Al-Jahiz Dalam Perkembangan Ilmu Balaghah Arab*. Kajian Ke Atas Buku *Al-Bayan Wa Al-Tabyin Dan Al-Hayawan* telah membincangkan sumbangan penulisan al-Jahiz dalam bidang ilmu balaghah Arab. Dalam karya ini telah menceritakan latar belakang al-Jahiz seperti beliau dilahirkan di Basra dan dibesarkan di sana yang merupakan pusat ilmu pengetahuan dan sastera Arab. Sejak kecil beliau telah menunjukkan minat mendalam dalam mempelajari sesuatu ilmu. Tidak hairanlah jika kita melihat dia mempelajari bahasa dan ilmu periwatan dari ulamak-ulamak besar bahasa seperti Abu 'Ubaidah dan Usmu'i. Disamping itu, dia juga telah mempelajari ilmu teologi daripada Abu Ishak al-Nazzam salah seorang ulamak kalam Mukhtazilah.

Karya utamanya termasuk Kitab *al-hayawan* (Kitab binatang), pada haiwan dan perjuangan mereka untuk bertahan dan menghasilkan, yang dianggap sebagai buku zoologi pertama di sejarah pemikiran Islam. Kitab *al-bayan wa al-tabyin* (Buku kefasihan dan eksposisi), mengenai pidato Arab dan retorik, adalah salah satu buku sastera al-Jahiz yang terkenal. Dalam buku ini, al-Jahiz menegaskan kelebihan orang Arab berbanding bukan Arab dalam puisi dan retorik. Kerja-kerja lain termasuk Kitab *al-bukhalap* (Kitab penderita), mengenai ketamakan dan eksentrik dan *Risalat al-qiyam* (Surat tentang menyanyi gadis), pada menyanyi budak perempuan. Al-Jahiz banyak menyumbang dalam bahasa Arab sastera melalui tulisannya mengenai pidato Arab, prosa, dan puisi (Montgomery, James E (2006).

Walaupun al-Jahiz adalah penulis polemik yang mempertahankan kerajaan dan dinasti Abbasiyah dan dasar serta doktrinnya, namun beliau juga terkenal dengan tulisan sastera dan sindiran, penulisan gaya hidup masyarakat arab, dan ini menjadikannya seorang yang bereputasi sebagai seorang penulis dan pemerhati retorik Arab. Hasilnya penulisan berkaitan sumber rujukan dari agama islam serta tradisi sastera dan agama yang diwarisi dari orang Arab merupakan skop utama penulisannya. Kesimpulannya walaupun al-jahiz merupakan seorang penulis *qilm al-kalam* (spekulatif teologi) dan falsafah (falsafah semula jadi kehidupan) yang banyak dipengaruhi oleh gaya hidup dan pengaruh orang Yunani, namun al-Jahiz masih di anggap sebagai salah seorang penyumbang dalam bidang keilmuan dan masih di anggap sebagai seorang pemikir Islam yang setia mengamalkan rukun Islam walaupun mempunyai fahaman dan aliran berbeza (Richards, D. S (1998).

Pemikiran Ekonomi Islam Al-Jahiz

Kitab awal ekonomi islam iaitu *Al-Tabassur Bi Al Tijarah*, yang telah di karang oleh Abu Uthman Amir Ibn Bahr Al-Jahiz (776-868M). Dalam kitab ini al-Jahiz telah membahaskan tentang konsep dan kegiatan ekonomi yang di lakukan oleh komuniti dan masyarakat sejagat. Al-Jahiz telah membahagikan penulisannya kepada enam bahagian iaitu perbincangan berkaitan emas dan perak, yang kedua berkaitan batu permata, ketiga berkaitan aroma minyak wangi dan wangian, yang ke empat berkaitan fabrik dan kain, yang kelima berkaitan komoditi dagangan dan nilainya dari pelbagai negara dan yang terakhir berkaitan perbincangan sifat dan nilai burung dan dagangannya.

Dalam perbincangan berkaitan emas dan perak, al-Jahiz telah membincangkan sifar yang ada pada komoditi emas dan perak di mana kedua komoditi ini merupakan barangan yang bernilai dan boleh di jadikan sebagai alat untuk pengukur nilai. Di mana dalam kitab tersebut al-Jahiz telah mengatakan bahawa:

“al hakim (orang bijak) mengatakan: emas lebih disukai baik dalam bentuk jongkong atau bar (sabik) atau dalam bentuk lain. Dinyatakan bahawa emas menjadi objek yang bernilai kerana hampir mustahil untuk berubah (sifatnya), dan kerana kilauannya (nadarah) dan daya tarikan akan meningkat ditambah dengan usia yang semakin bertambah seiring waktu ('ataqa) yang tidak akan meninggalkan kesan kepada nilainya. Dan dari emas, semua perkara yang mengurangkan ketika dipakai atau tidak dipakai, di mana emas tidak menghilangkan semua (nilai emas).

Dan daripada penulisan ini boleh disimpulkan penilaian keatas emas telah di nyatakan sejak zaman Rasulullah sehingga kita di mana sifat emas itu boleh di jadikan sebagai alat pengukur nilai dan boleh di jadikan sebagai barangan di dagangkan.

Al-Jahiz juga telah menghuraikan jenis komoditi jualan yang di lakukan oleh negara-negara yang melibatkan wilayah tanah arab dan beberapa kawasan asia yang lain. al-Jahiz telah membincangkan jenis-jenis barangan jualan yang di buat oleh negara-negara tersebut melalui transaksi perdagangan antarabangsa atau pun aktiviti import dan ekport. Antara kandungan yang membincangkan tentang konsep import dan ekport ini ialah menerusi penulisan al-jahiz yang bermaksud:

“Dari India adalah yang diimport ialah harimau (al-bubur), harimau bintang, gajah, kulit harimau bintang, rubi, cendana putih, kayu hitam, dan kelapa. Dari cina diimport pedang berkualiti baik (al firind), sutera, mangkuk porselin besar (chinaware), kertas, tinta, merak, kuda cepat (kuda berapi), pelana, felts, kayu manis, rhubarb tulen (sejenis sayur). Dari Afrika utara (wilayah antara libya dan

Maghribi) dan wilayah barat jauh (termasuk mauritania) adalah macan tutul yang diimport, batang pohon sant (daun salam), felts, dan helang hitam”

Maka di sini boleh disimpulkan bahawa al-Jahiz juga turut menyumbang penulisan beliau dalam ilmu ekonomi Islam melalui kitabnya yang bertajuk *Al-Tabassur Bi Al Tijarah*, namun begitu penulisan yang dilakukan merujuk kepada penulisan bersifat dasar tanpa membincangkan tentang elemen-elemen yang lebih luas seperti konsep dan jenis akad yang di gunakan. Namun begitu ilmu yang di karang oleh al-Jahiz ini masih boleh dijadikan sebagai salah satu dari rujukan dalam bidang ekonomi Islam dan boleh diketengahkan sebagai salah satu bahan rujukan.

Penutup

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang di perolehi, ternyata al-Jahiz merupakan salah seorang pemikir dalam bidang ekonomi Islam dan turut menyumbang ideal dan kupasan konsep dalam pelaksanaan sistem ekonomi Islam yang telah berubah mengikut peredaran zaman. Selain itu al-Jahiz juga turut menyumbang pemikirannya berkaitan konsep akad pertukaran yang di bolehkan di dalam Islam dan konsep penilaian keatas sesuatu barangan ketika sebarang pertukaran ingin dilakukan. Justeru itu haruslah para pengkaji ekonomi Islam turut mengambil perbincangan dan hasil penulisan al-Jahiz di dalam kitabnya *Al-Tabassur Bi Al Tijarah*, sebagai salah satu rujukan yang perlu dilakukan dalam perbincangan berkaitan pertukaran dalam Islam.

Rujukan

- Aan Jaelani, (2018), Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Kontribusi Sarjana Muslim dalam Pemikiran dan Analisis Ekonomi, Percetakan: Aksarasatu Cirebon Jl. Diponegoro Gg Mangga No. 7 RT/RW 04/01 Kel Kesenden Kejaksaan Kota Cirebon Jawa Barat, h-29
- Aan Jaelani (2016) Religion, Economy, and State: Economic Thought of al-Mawardi in Adab al-Dunya wa-al-Din, Shari'a and Islamic Economic Faculty IAIN Syekh Nurjati Cirebon, MPRA Paper No. 72090, posted 18 June 2016
- Abû Yûsuf, Kitab Al-Kharrâj li al-Qâdli Abû Yûsuf Ya'qûb ibn Ibrâhîm Shâhib al-Imâm Abî Hanîfah, Beirut: Dâr al-Ma'rifah li al-Thabâ'ah wa al-Nasyr, 1979: 3
- Adiwarman A. Karim, Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam, (Jakarta : Raja Grafindo Persada), 2010.
- Heinemann, Arnim, John L. Meloy, Tarif Khalidi, and Manfred Kropp, eds. Al-Jahiz: A Muslim Humanist for Our Time. Wu'rzburg, Germany: Ergon Verlag, 2009.
- Ilham Ahmad (-) *Fiqih Ekonomi Islam Dalam Beragam Madzhab*, Program Studi Ekonomi Syari'ah, Sekolah Tinggi Agama Islam Darul Arqam
- Jabar, Jamil. 1958. al-Jahiz wa Mujtama' 'Asrih.: al-Matabacah al- Katholikiyyah. Beirut
- Montgomery, James E. "Al-Jahiz." In *Medieval Islamic Civilization: An Encyclopedia*, edited by Josef W. Meri, vol. 1, 411–412. New York: Routledge, 2006. Dan lihat Pellat, Charles. *The Life and Works of Jahiz*. Translated by D. M. Hawke. Berkeley: University of California Press, 1969.
- Richards, D. S. "Al-Jahiz." In *Encyclopedia of Arabic Literature*, edited by Julie Scott Meisami and Paul Starkey, vol. 1, 408–409. London: Routledge, 1998.
- Rachmat Syafei. 2006. *Fiqih Muamalah*. Pustaka Setia, Bandung.
- Surtahman Kastin Hasan dan sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, Edisi kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sulaiman bin Ismail (2013) *Peranan Dan Sumbangan AlJahiz Dalam Perkembangan Ilmu Balaghah Arab. Kajian Ke Atas Buku Al-Bayan Wa Al-Tabyin Dan Al-Hayawan VOL. 1*

- 1 (DECEMBER) 20 i 3 : pp 1 – 10, ‘Ulum Islamiyyah Journal, Universiti Sains Islam Malaysia
- Waed Athamneh, (2015) *AL-JAHIZ (159/775–255/868)*, Encyclopedia of Islam and the Muslim World, 2nd edition, Volume 1, – Finals/ 11/25/2015 16:01 Page 80
- Zamri Ariffin (1999) Pengaruh Al-Jahiz dan Al-Bayan Wa Al-Tabyin terhadap penulisan kesusasteraan arab, *Islamiyyat* 20 (1999) 35-51, UKM Bangi